



Nombor akaun bank di Facebook Live



PPM membimbing ahlinya kaedah menayangkan persembahan secara langsung melalui Facebook.

Kuala Lumpur: Penggiat muzik seperti kebanyakan profesi lain, turut mengalami kesukaran akibat terputus mata pencarian berikutan impak penularan Covid-19.

Kepayahan itu semakin dirasakan dengan pelaksanaan sekatan pergerakan penuh (SPP) yang memaksa kebanyakan perniagaan mengalihkan operasi mereka ke dalam talian.

Tampil membuat persembahan di Facebook Live adalah sesuatu yang biasa bagi anak muda, tetapi ia tidak semudah itu untuk pemuzik veteran, jelas Naib Presiden Persatuan Pemuzik Malaysia (PPM) Edwin Nathaniel.

"Namun, kami sedar betapa penting untuk mempelajarinya agar mampu bertahan selama waktu tertekan ini," katanya dalam temu bual baru-baru ini.


Penggiat muzik terjejas ini bukan pemuzik yang sekadar membuat persembahan untuk tambah pendapatan atau sebagai hobi. Sumber pendapatan mereka bergantung sepenuhnya kepada pertunjukan.

Keadaan kini semakin meruncing sehingga sebilangan anggota PPM tidak mempunyai makanan untuk anak-anak mereka melainkan telur ayam semasa PKP, kata Edwin.

Trending



[Penangan kluster tempat kerja](#)




[Bintang TikTok dijej 10 tahun](#)



[Bahana bela anak lotong](#)



['Suami saya sudah berubah...'](#)



['Besi bodoh' disadur emas](#)

Mutakhir



[11 termasuk lima wanita ditahan berparti dadah](#)



[Yakin 80% dapat divaksin](#)

PPM ditubuhkan pada 2019 dengan lebih 1,000 ahli yang kebanyakan pemuzik senior.

Semenjak 2020, mereka giat mengajar dan membantu pemuzik tempatan cara-cara menjana pendapatan secara dalam talian.

Bermula PKP pertama tahun lepas, PPM membimbing ahlinya kaedah menayangkan persembahan secara langsung melalui Facebook supaya ia dapat ditonton dan diberi tip oleh peminat muzik.

Edwin berkata, langkah mengembangkan sayap ke dalam talian antara inisiatif mereka usahakan bahkan sebelum wabak melanda.

Ini kerana industri persembahan dan pertunjukan secara langsung di Malaysia ketika itu menderita kerana kekurangan sokongan, apatah lagi dengan upah yang sekadar 'cukup-cukup untuk bertahan hidup.'

"Apabila pandemik melanda dan muzik *live* tidak dibenar beroperasi, kami tahu kami tidak boleh berdiam diri," katanya lagi.

PPM, yang pada mulanya dikenali sebagai Persatuan Pemuzik Tempatan Selangor (PPTS) memulakan inisiatif mereka dengan menganjurkan sesi Facebook Live yang dikenali sebagai *Isolation Music*.

Isolation Music menampilkan tiga pemuzik berbeza setiap hari bekerja dari 7 malam hingga 9 malam.

"Kami akan jemput mana-mana ahli dan mengesahkan persembahan mereka. Kemudian mereka dibimbing cara mengakses halaman Facebook PPTS serta menggunakan telefon bimbit dan kamera untuk membuat rakaman langsung.

"Ketika mereka membuat persembahan, mereka akan mempamerkan nombor akaun bank mereka di layar agar penonton dapat memberi sumbangan," kata Edwin sambil menambah bahawa hingga kini, lebih daripada 100 pemuzik mendapat manfaat dari pertunjukan itu.

Hasilnya, sesi *Isolation Music* berjaya menarik lebih 5,000 *followers* dan mencatat 500,000 tontonan dari 35 negara dalam masa dua bulan.

Jelas Edwin, pemuzik yang menyertai sesi berkenaan mampu meraih antara RM10-RM500 satu persembahan dan ini sedikit sebanyak membantu meringankan beban mereka.

Selain itu, PPM menganjurkan inisiatif *Musicians For Musicians Centrestage* yang membolehkan pemuzik seluruh negara bersiaran secara langsung dan menjana pendapatan dari laman Facebook PPM.

Presiden PPM, Francis Danker memutuskan untuk melangkah lebih jauh lagi bagi membantu rakan pemuzik dengan mendirikan sebuah studio dengan peralatan muzik lengkap.

Semua peralatan berharga hampir RM300,000 bagi membolehkan pemuzik membuat persembahan untuk inisiatif siaran langsung PPM.

"Semasa PKPP, kami atur persembahan dari kumpulan muzik pada musim perayaan seperti hari raya, Deepavali dan Krismas. Kami beri mereka tanda penghargaan dan wang dari penaja.

"Tetapi buat masa ini, pertunjukan langsung dihentikan kerana SPP.



Kantoi rentas negeri beli bekalan dadah



Rumah sewa dijadikan 'port' berjudi



Econsave terus berbakti



Lari tinggalkan kereta dipenuhi gula, minyak masak

MyResipi



Tips Masak Beras Basmathi Supaya Lembut & Tidak Melekat, Baru Lah Sedap Nak Makan!



Jom Cuba Resepi Korean Cream Cheese Garlic Bread, Hanya Guna Roti Burger Je!



Petua Ikan Bilis Goreng Supaya Kekal Rangup, Boleh Simpan Stok Di Rumah



Resepi Roti Paratha Sosej Cheese Gulung Guna Air Fryer, Semudah ABC!



Musim Durian Datang Lagi, Jom Cuba Petua Hilangkan Bau Durian & Kurangkan Panas Badan!

Kami menantikan saatnya untuk kembali lagi selepas pandemik reda," kata Francis.

Francis berkata, PPM menghantar cadangan kepada Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin agar pemuzik dapat membuat persembahan di pusat vaksinasi seluruh negara.

"Kita lihat nanti bagaimana keputusannya. Diharap kami diberi lampu hijau. Ini sudah pasti membantu ramai pemuzik," kata Francis.

Dalam perkembangan positif lain, Agensi Pembangunan Ekonomi Budaya Malaysia (Cendana) dan PPM baru-baru ini mengumumkan kerjasama mereka dalam menjayakan pelancaran laman web Bandar Aktiviti Seni Kuala Lumpur (BASKL).

Melalui pakatan itu, Cendana akan menyokong platform *Centerstage* - sebuah ruang dalam talian di mana anggota PPM membuat persembahan setiap hari dengan menyalurkan dana tambahan enam bulan berikutnya mulai bulan depan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Cendana, Izan Satrina Mohd Sallehuddin berkata, sejak penubuhan Cendana pada September 2017, sektor muzik bebas meningkat dengan pesat menjadi sektor kedua tertinggi bagi badan itu.

"Memandangkan permintaan meningkat, Cendana harap dapat mengukuhkan peranan menyokong perkembangan arena muzik bebas di Malaysia," katanya.

Disiarkan pada: Jun 25, 2021 @ 6:30am

Artikel Berkaitan



MUTAKHIR

IKBN akan sumbang PPE di PKD Hulu Selangor [METROTV]



RAP/RAPXTRA

Muzik rock tiada had

RAP/RAPXTRA

Kutipan royalti parah



MUTAKHIR

Dulu pemuzik, kini tukang paip

Disyorkan untuk anda

Iklan oleh



**50
millio
cra...**


Australia.com

[Learn More](#)



**David and
Victoria
Beckham Buy...**

Mansion Global



**Hair Transplant
Cost In Petaling
Jaya Might...**

Hair Transplant | Sear...



**Wedding Gowns
That Shouldn't
Reach the Aisle**

Parentsdomo Galleries



Affordable Retirement Homes in...

Luxury Retirement | S...



Petaling Jaya: I was surprised when I saw the...

Stair Lift | Sponsored ...



Quiz: How Much Do You Know About United...

TooCool2BeTrue



Discover Luxury Retirement Homes Near...

Senior Living | Search...



© 2021 Harian Metro, New Straits Times Press (M) Bhd.
A part of Media Prima Group.

Hubungi Kami	Utama	Akademia	Addin
Team myMetro	Mutakhir	#ITMetro	Rencana
RSS Feed	Global	Ku Bela	Sihat
Disclaimer	Arena	Santai	Xpresi
Notis Perlindungan	Rap/Rapxtra	P&P	Vroom
Data Peribadi	Bisnes	Dekotaman	Galeri
	MetroTV	WM	Infografik